

31 MAY 2002

Mahathir-Pelancongan (Bergambar)

MAHATHIR MAHU INDUSTRI PELANCONGAN DIKEMBANGKAN

PUTRAJAYA, 31 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan industri pelancongan diperkembangkan selaras dengan prestasi sektor itu yang menggalakkan.

Dr Mahathir berkata industri pelancongan boleh diperkembangkan lagi dengan menjadikan kesihatan, pendidikan, sukan dan alam sekitar sebagai produk pelancongan yang berdaya maju.

"Industri pelancongan telah menunjukkan prestasi yang menggalakkan walaupun terjejas berikutan peristiwa serangan ke atas Amerika Syarikat pada 11 Sept lepas," katanya sebelum mempengerusikan dialog Belanjawan 2003 sesi ke II, selaku Menteri Kewangan, di Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata industri pendidikan juga boleh dimajukan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan antarabangsa, manakala bagi industri pengangkutan pula, negara mempunyai kelebihan untuk menjadi pusat bagi perkhidmatan pelabuhan dan lapangan terbang.

"Ini adalah selaras dengan usaha kita untuk berperanan sebagai global player di pasaran antarabangsa," katanya.

Perdana Menteri berkata pertanian juga masih mempunyai banyak ruang untuk dimajukan dengan membina kekuatan dalam sektor ini melalui kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan (R&D), bioteknologi serta membangunkan industri hiliran bagi produk tempatan.

Beliau berkata dalam sektor pembuatan pula usaha perlu dilakukan untuk beralih daripada tumpuan yang keterlaluan terhadap keluaran elektronik.

Untuk ini, industri berasaskan sumber dalam negeri serta pengeluaran produk baru yang lebih pelbagai, hendaklah diberi keutamaan, katanya.

"Kita juga perlu meneroka pasaran baru yang mempunyai potensi besar. Kita tidak seharusnya hanya menumpu kepada pasaran tradisional seperti Amerika Syarikat, Jepun dan kawasan Euro, tetapi mesti berusaha menembusi pasaran negara-negara lain seperti China, Asia Barat dan Afrika," katanya.

Beliau berkata untuk itu, kecekapan dan produktiviti perlu ditingkatkan dengan menggalakkan kebolehan kreativiti dan inovasi yang berterusan supaya dapat bersaing di peringkat antarabangsa, lebih-lebih lagi dengan kemasukan China dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Dr Mahathir berkata produk negara mesti berkualiti tinggi dan pada harga yang kompetitif, serta dapat memenuhi citarasa pengguna yang semakin canggih.

Dialog kali ini dihadiri wakil daripada 46 pertubuhan profesional, syarikat serta para pegawai daripada kementerian dan agensi kerajaan.

-- BERNAMA

AKT HK RON